

Pemuda beri tumpuan kepada agenda Melayu

SEREMBAN 8 Nov. - Pergerakan Pemuda UMNO akan memberi tumpuan kepada isu Agenda Melayu pada Perhimpunan Agung parti itu yang akan berlangsung minggu depan.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, agenda itu akan diberikan perhatian serius dalam membincangkan aspek berkaitan perjuangan parti.

Khairy yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Rembau berkata, Pemuda UMNO pusat sudah bersedia menghadiri perhimpunan berkenaan dan akan membang-

kitkan beberapa isu.

"Pemuda akan membangkitkan isu-isu berhubung perjuangan sebenar UMNO iaitu untuk kepentingan orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Bendera kepada pasukan bola sepak Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan di Wisma UMNO di sini hari ini.

Tambah Khairy, Pemuda UMNO juga telah mengenal pasti perwakilan negeri yang akan membahaskan usul pada perhimpunan berkenaan.

"Taklimat telah diberikan oleh Pemuda UMNO kepada perwakilan itu menjelang perhimpunan tersebut," ujarnya.

Beliau dan Sekretariat Pemuda UMNO pusat berpuas hati dengan persediaan Pemuda UMNO menjelang Perhimpunan Agung UMNO.

Perhimpunan Agung UMNO akan dihadiri 4,959 perwakilan iaitu 2,554 bagi Perhimpunan Agung UMNO, perhimpunan agung Pemuda (798), Wanita (800) dan Puteri (798).

Pada majlis itu, Khairy menyerahkan bendera UMNO dan bendera Negeri Sembilan kepada pasukan UMNO negeri yang akan bertanding dalam Liga Pemuda UMNO merebut Piala Ketua Pemuda UMNO Malaysia di Ipoh, esok.

Pasukan Bola Sepak UMNO negeri diketuai oleh pengurusnya, Abd. Samad Ibrahim yang juga Naib Ketua Pemuda UMNO negeri.

Hadir sama pada majlis itu ialah Setiausaha Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Azman Hasan.